

Perarakan Citrawarna disambut meriah

BH 28 MAY 2000

KUALA LUMPUR: Perarakan Citrawarna 2000 dilancarkan dengan rasminya oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dengan meriah dan penuh warna-warni di sini malam tadi.

Persembahan pembuka tirai dimulakan dengan lagu tema Citrawarna yang menampilkan warna budaya dan etnik terbesar di Malaysia serta perarakan panji-panji yang mewakili pelbagai kaum.

Antara panji itu ialah Bunga Jarau, Bunga Emas, Pohon Beringin, Totentol Sarawak, Tudung Saji Sabah, Tombei India dan Chingey.

Kira-kira 1,300 tetamu asing dari seluruh dunia yang dibawa khas dengan kerjasama kira-kira 20 syarikat penerbangan menonton acara yang mengetengahkan perarakan kesenian pelbagai kaum dan etnik dari setiap negeri di Malaysia termasuk Siam, membabitkan hampir 4,000 peserta.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Konsep Citrawarna ini memaparkan keindahan dan keindahan budaya dan adat istiadat pelbagai kaum di Malaysia yang berteraskan kepada kegiatan seperti kesenian dan kebudayaan, seni kraf dan seni tampak, makanan dan pakaian.

Acara Citrawarna itu akan diadakan sebulan sehingga 25 Jun depan bertujuan mempelbagaikan aktiviti pelancongan selain menggalakkan kedatangan pelancong asing serta menggerakkan kegiatan pelancongan domestik.

Dalam ucapannya Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata perarakan itu melambangkan pengukuhan serta penyatuan pelbagai bangsa di Malaysia.

Menurutnya, walaupun bangsa berkenaan mempunyai emosi dan kepekaan masing-masing, negara masih mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang cantik dan aman.